

SESI SERAHAN SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN PTPTN KELOMPOK 1&2 SESI DISEMBER 2011

TARIKH : 19 & 20 JANUARI 2012 (KHAMIS & JUMAAT)
TEMPAT : DSM (DEWAN SERI MUTIARA)

MASA : 19 JANUARI 2012 (KHAMIS)
**8.30 PG – 9.30 PG - TAKLIMAT RINGKAS PTPTN
(PELAJAR SEMUA JABATAN
KELULUSAN KELOMPOK 1&2)**
9.30 PG – 12.30 TGH - JKM
2.30 PTG – 5.00 PTG - JKE/JTMK

20 JANUARI 2012 (JUMAAT)
**8.30 PG – 11.30 PG - JP & PELAJAR SEPARUH
MASA/KES-KES KHAS**

* Pelajar semua jabatan boleh datang pada bila-bila masa sepanjang sesi kutipan jika tiada kelas.

CARA MENYUSUN DOKUMEN PTPTN MENGIKUT URUTAN

SET 1 (di stapler)

- a. **SENARAI SEMAK** (*Checklist*) – satu salinan sahaja;
- b. **SURAT TAWARAN PTPTN** (termasuk Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1-4), **PENERIMA BIAYA** perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan **TARIKH**.
- c. **PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN** (ada 3 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan **PENERIMA BIAYA** dan saksi **PENERIMA BIAYA**.
- d. **LAMPIRAN PERJANJIAN** (ada 6 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan **PENERIMA BIAYA**.

SET 2 (di stapler)

- a. **SURAT TAWARAN PTPTN** (termasuk Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1-4), **PENERIMA BIAYA** perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan **TARIKH**.
- b. **PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN** (ada 3 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan **PENERIMA BIAYA** dan saksi **PENERIMA BIAYA**.
- c. **LAMPIRAN PERJANJIAN** (ada 6 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan **PENERIMA BIAYA**.

SET 3 (di stapler)

(DOKUMEN SOKONGAN-SATU SET SAHAJA).

1. **Butiran diri / Maklumat Permohonan Pinjaman PTPTN**(di cetak dalam laman web permohonan online PTPTN) - **TIDAK PERLU DISAHKAN**
2. Salinan **Kad Pengenalan** pemohon - **PERLU DISAHKAN**
3. Salinan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** - **PERLU DISAHKAN.**
4. Salinan **Surat Tawaran Kemasukan ke Politeknik** - **DISAHKAN PEGAWAI DI PSP SAHAJA**
5. Salinan **Penyata Akaun Bank Islam.** [Jika tiada, sila dapatkan terlebih dahulu dari Bank Islam] (**MESTILAH** mempunyai maklumat iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pelajar) - **PERLU DISAHKAN**
6. Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain. Contoh : **STPM / DIPLOMA / MATRIKULASI / IJAZAH SARJANA MUDA / IJAZAH SARJANA (MASTER).** (Sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan masuk tersebut jika pemohon belum menerima sijil dan transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian / layak dianugerahkan sijil) - **PERLU DISAHKAN**
7. Salinan **Borang Cukai Pendapatan (B / BE / EA / EC) / Slip Gaji / Kad Pesara / Penyata Pencen / Borang** atau surat pengesahan pendapatan / Pengesahan Tidak Bekerja Penjaga dan pasangan Penjaga / Pemohon dan pasangan Pemohon (jika telah berkahwin). [Salah satu dari mana-mana yang berkaitan sahaja diperlukan].
8. Salinan **surat pengesahan / surat akuan** daripada **Jabatan Kebajikan Masyarakat / Pusat Zakat / PERKESO / penghuni rumah anak yatim** sekiranya pemohon ibu / bapa / penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan.
9. **2 (dua) keping Setem Hasil bernilai RM10.00 setiap satu.**
[Dibawa ketika sesi serahan Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman. Sila dapatkan di Pejabat Pos].

Syarat tambahan bagi pelajar lama yang memohon (WAJIB) :

1. Salinan **keputusan peperiksaan** bagi setiap semester yang lepas.(**DISAHKAN PEGAWAI POLITEKNIK SAHAJA**).
2. **Surat pengesahan aktif mendaftar sebagai pelajar Politeknik (pengesahan daripada Dekan / Ketua Program / Hal Ehwal Pelajar sahaja).**

* **Semua salinan dokumen sokongan mesti dalam kertas bersaiz A4.** Pastikan pelajar tulis nama, no KP dan nama IPT pada ruangan kosong muka hadapan salinan tersebut)_ (JIKA TERCICIR, BOLEH DIKESAN PEMILIK DOKUMEN TERSEBUT).

** Sekiranya pelajar mengisi maklumat Penjaga/Pasangan Penjaga pada Butiran Diri sebagai tidak bekerja, pelajar perlu sertakan pengesahan tidak bekerja / mengisi Borang Pengesahan Pendapatan.

*** Bagi pelajar yang bekerja (tanpa / separuh gaji @ bergaji penuh) sila lampirkan salinan slip gaji terkini.